



Menjejak Negara Helang Berkepala Dua

Saya teringat kata-kata hikmah Sayidina Ali bin Abu Talib tatkala menulis artikel ini: “Keluarlah dari negaramu bagi mencari sesuatu yang berharga. Bermusafirlah kerana bagi musafir itu ada lima kelebihan iaitu terlepas daripada kesulitan, meningkatkan kualiti hidup, kaya dengan ilmu dan pengalaman, berpengetahuan luas tentang adab dan budaya serta mendapat ramai kenalan.”

Tirana ialah ibu negara dan merupakan kota terbesar di Albania. Ia terletak di bahagian tenggara benua Eropah. Negara ini pernah berada di bawah penguasaan kerajaan Uthmaniyyah dari tahun 1385M hingga 1912M. Sejarah negara ini yang dirakam oleh para sejarawan dan ilmuwan sangat menarik untuk dibaca generasi muda hari ini.

Kedudukan negara ini agak unik kerana tasik-tasik yang ada di

sini dikongsi dengan negara jiran. Contohnya, Tasik Shkoder yang terletak di barat laut negara ini, satu pertiga daripadanya adalah milik Albania, manakala selebihnya milik Montenegro.

Tidak Berhemah, Tetapi Cepak

Dari Bosnia, kami meneruskan perjalanan ke negara Mediterranean ini. Bermula dari sempadan masuk hinggalah ke Tirana, kami dihidangkan dengan panorama yang cukup indah. Bukan itu sahaja, kami juga dikejutkan dengan gaya pemanduan di sini. Dalam hati, kami sebenarnya bersyukur kerana tidak mengambil keputusan untuk menyewa kereta dan memandu sendiri.

Jika anda rasa pengguna jalan raya di Malaysia ada bermacam-macam ragam, di sini berganġa-ganda kerenahnya. Namun, apa yang dapat kami simpulkan adalah walaupun mereka tidak berhemah di jalan raya,

mereka sangatlah cekap. Hanya yang berjiwa kental sahaja boleh memandu setanding dengan masyarakat di sini.

Sungguhpun begitu, mereka sangat meraikan pengguna jalan raya yang berbasikal hinggalah ada laluan khas bagi golongan ini. Di kiri dan kanan jalan ialah laluan untuk kereta, manakala di tengah-tengah laluan berkenaan adalah laluan berbasikal.

Menarik, bukan?

Kami di sini bagaikan rusa masuk kampung. Tiada seorang pun rakyat Malaysia yang kami temui. Sungguh, sepanjang dua hari satu malam di sini, kami tidak bertemu seorang pun rakan senegara. Berlainan sungguh apabila kami berada di Bosnia.

Kedudukan Tirana sebagai sebuah ibu negara tidak menjadikannya bandar

INFO MENARIK!

**Negara Albania
berkongsi tasik dengan
tiga buah negara.**

Tasik	Negara
Tasik Shkodër	Montenegro
Tasik Ohrid	Macedonia Utara
Tasik Prespa	Macedonia Utara dan Greece

WAN RITINI BINTI WAN ISMAIL

- Berkhidmat sebagai Eksekutif Business Intelligence & Pengurusan Data, Divisyen Strategi Korporat, Lembaga Zakat Selangor. Merupakan Exco Grup Penjejak Tamadun Dunia (GPTD). Menyertai misi khidmat sosial & kebajikan di Aceh (2008)
- Misi pendidikan di Aceh (2012)
- Misi pendidikan di Selatan Thai (2013)
- Wisata Madani Turki (2015) dan Wisata Madani Balkan (2019).



yang hanya diliputi oleh hutan batu semata-mata. Bangunan-bangunan yang berwarna-warni, pokok-pokok yang menghijau di kiri dan kanan jalan serta lukisan grafiti yang menghiasi dinding-dinding bangunan menjadikan kota ini tidak hanya sekadar pusat bandar semata-mata.

Keramahan Warga Albania

Wanita bertudung agak jarang ditemui di sini atau mungkin kami saja yang tidak jumpa pada waktu itu. Tetapi, keramahan dan sikap suka membantu masyarakat di sini menarik perhatian kami. Keterbukaan mereka melayan orang luar menjadikan sesiapa sahaja yang datang ke sini pasti gembira.

Walaupun penguasaan bahasa Inggeris mereka agak terbatas, ditambah pula dengan pengetahuan kami yang sedikit untuk berbahasa Albania, mereka tetap berusaha untuk membantu kami.

Misalnya, ketika kami mencari-cari arah jalan yang ingin dituju. Salah seorang penduduk di sini yang kami temui bernama Eggie; wanita Islam yang menjalankan perniagaan pakaian Muslimah di tengah-tengah kota yang sibuk ini teruja apabila mengetahui kami datang dari Malaysia.

Salah satu peristiwa menarik adalah ketika kami singgah solat di Dine Hoxha yang tidak akan kami lupakan sampai bila-bila. Apabila bilal melaungkan

“

Tirana merupakan ibu negara dan kota terbesar di Albania. Negara ini pernah berada di bawah penguasaan Uthmaniyyah dari tahun 1385 hingga 1912.



”

iqamat untuk solat berjemaah, jemaah wanitanya bersolat sahaja di mana-mana asalkan ada ruang.

Ada yang solat dalam saf, ada yang berdiri di depan sekali dan ada yang memilih untuk berada di bawah pendingin hawa. Agak lucu pemandangan pada waktu itu. Mungkin di masjid-masjid lain tiada kejadian seperti yang kami saksikan di sini.

Susu Dibalas Tuba

Begitulah ungkapan yang sesuai bagi menggambarkan perilaku seorang tokoh yang kini diangkat sebagai nasionalis dan pahlawan bangsa Albania. Tokoh tersebut ialah Skanderbeg. Beliau pada asalnya merupakan gabenor yang dilantik oleh kerajaan Uthmaniyyah pada tahun 1440M. Namun kemudian bertindak memberontak dan menjadi pemimpin penduduk di wilayah Albania untuk



menentang Kerajaan Uthmaniyyah.

Lebih awal lagi, Skanderbeg pada asalnya merupakan seorang yang berketurunan bangsawan Albania. Namun, beliau telah menjadi tawanan Kerajaan Uthmaniyyah. Sungguhpun begitu, beliau telah mendapatkan pendidikan yang baik di istana sultan sehingga akhirnya menjadi seorang yang hebat dan berkaliber sehinggalah dilantik menjadi gabenor.

Jadi, tidak hairanlah kini terdapat satu dataran yang luas dinamakan sempena dengan namanya di Tirana. Bukan itu sahaja, sebuah tugu juga turut didirikan sebagai tanda memperingati kepahlawanan dan keberaniannya menentang Kerajaan Uthmaniyyah demi bangsa Albania.

Pengalaman kembara kami berdua ke wilayah Balkan ini semakin menarik selepas Bosnia (Solusi isu 133). Dalam keterujaan itu, kami juga berdebar-debar dengan apa yang akan kami tempuhi nanti. S



	Biasa: 3 minit 05 saat
	Pantas: 0 minit 28 saat